

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk membolehkan kemudahan tempat pelupusan sampah Teluk Mengkudu, daerah Manjung, Perak dapat disiapkan dengan lengkap dan sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Negeri Perak tidak menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Perak adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan terletak sepenuhnya di bawah Kerajaan Negeri. Ini adalah termasuk dari aspek penyaluran peruntukan dan pembinaan fasiliti pengurusan sisa pepejal kecuali pembinaan tersebut dibuat di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan.

2. Walau bagaimanapun, Projek Pembinaan Tapak Pelupusan Sanitari di Teluk Mengkudu, Daerah Manjung, Perak merupakan salah satu bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Perak. Dalam hubungan ini, peruntukan berjumlah RM40 juta telah disediakan pada tahun 2009 bagi melaksanakan projek tersebut. Namun projek ini terpaksa dibatalkan kerana:

NO SOALAN : 327

- (i) projek ini tidak mendapat kelulusan *Environment Impact Assessment* (EIA) daripada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) disebabkan beberapa faktor terutamanya lokasi tapak yang tidak sesuai; dan
- (ii) berdasarkan kajian reka bentuk terperinci yang telah dibuat, peruntukan berjumlah RM100 juta diperlukan bagi memastikan masalah-masalah tersebut dapat diselesaikan.

3. Justeru, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan penarikan peruntukan bagi projek tersebut memandangkan Kerajaan Negeri Perak tidak dapat menyediakan tapak gantian berikutan terdapat bantahan penduduk di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.